SULIT

BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JABATAN PERDAGANGAN

PEPERIKSAAN AKHIR

**SESI JUN 2017**

# DPB3063 : BUSINESS LAW

**TARIKH : 26 OKTOBER 2017**
**MASA : 11.15 PAGI – 1.15 PETANG (2 JAM)**

---

Kertas ini mengandungi **LAPAN BELAS (18)** halaman bercetak.

Bahagian A: Objektif (25 soalan)
Bahagian B: Esei (3 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Buku Akta

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN**

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

**SECTION A: 25 MARKS**
***BAHAGIAN A: 25 MARKAH***

**INSTRUCTION:**
This section consists of **TWENTY FIVE (25)** objective questions. Mark your answers in the OMR form provided.

***ARAHAN :***
*Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.*

CLO1 C1

1. Define the word 'law'.
*Takrifkan perkataan 'undang-undang'.*

A. Law aims to maintain justice in society.
*Undang-undang berperanan untuk mengekalkan keadilan dalam masyarakat.*

B. Law includes written law, common law and custom.
*Undang-undang termasuklah undang-undang bertulis, undang-undang am dan adat.*

C. Law is an asset of ethics that governed a community.
*Undang-undang adalah satu set etika yang mentadbir sesuatu komuniti.*

D. Law is the body of principles recognized and applied by the state in the administration of justice.
*Undang-undang adalah prinsip-prinsip yang dikenalpasti dan digunapakai oleh Negara dalam pentadbiran keadilan.*

CLO1 C1

2. The highest court in Malaysia is ____________.
*Mahkamah yang tertinggi di Malaysia adalah ___________.*

A. Federal Court
*Mahkamah Persekutuan*

B. High Court of Malaya
*Mahkamah Tinggi Malaya*

C. Industrial Court
*Mahkamah Industri*

D. Court of Appeal
*Mahkamah Rayuan*

CLO1 C1

3. Types of sources in Malaysian law are:
*Jenis-jenis sumber undang-undang di Malaysia adalah:*

A. Customs and common law.
*Adat-adat dan undang-undang am.*

B. Written and unwritten law.
*Undang-undang bertulis dan undang-undang tidak bertulis.*

C. Historical and legal sources.
*Sumber sejarah dan sumber perundangan.*

D. Judicial decision and principles of English Common law.
*Keputusan penghakiman dan prinsip-prinsip Undang-undang Am Inggeris.*

CLO2 C1

4. Choose the **CORRECT** elements of a contract.
*Pilih elemen-elemen kontrak yang **BETUL**.*

A. Offer, Acceptance, Intention and Consideration.
*Tawaran, Penerimaan, Niat dan Balasan.*

B. Offer, Acceptance, Intention and Coercion.
*Tawaran, Penerimaan, Niat dan Paksaan.*

C. Offer, Acceptance, Injunction and Consideration.
*Tawaran, Penerimaan, Injuksi dan Balasan.*

D. Offer, Agreement, Intention and Consideration.
*Tawaran, Perjanjian, Niat dan Balasan.*

CLO2 C1

5. The general rule states that contracts made by minors are void **EXCEPT**
*Prinsip asas menyatakan bahawa kontrak yang dibuat oleh kanak-kanak adalah terbatal **KECUALI***

A. Contracts of buying vehicle.
*Kontrak pembelian kenderaan.*

B. Contracts of partnership.
*Kontrak perkongsian.*





C. Contracts of scholarship.
*Kontrak biasiswa.*

D. Contracts of agency.
*Kontrak agensi.*

CLO2 C1

6. Modification of the offer is named as ______________ and it is a rejection of the original offer.
*Perubahan kepada tawaran dinamakan sebagai __________ dan ia adalah pembatalan tawaran asal.*

A. Acceptance
*Penerimaan*

B. Invitation to treat
*Pelawaan kepada tawaran*

C. Counter acceptance
*Penerimaan semula*

D. Counter offer
*Tawaran balas*

CLO2 C2

7. Principle of law as discussed in the case of Pharmaceutical Society of Great Britain vs Boots Cash Chemist LTD (1953) says that the display of goods is not an offer but it is ______________.
*Prinsip undang-undang sepeti yang dibincangkan dalam kes Pharmaceutical Society of Great Britain vs Boots Cash Chemist LTD (1953) menyatakan bahawa mempamerkan barangan bukanlah suatu tawaran tetapi adalah ___________.*

A. an invitation to treat
*Pelawaan kepada tawaran*

B. a past consideration
*Balasan lampau*

C. a legal capacity
*Kapasiti perundangan*

D. a free consent
*Persetujuan sukarela*

CLO2 C2

8. All of the followings are remedies available to the injured party if there is a breach of contract **EXCEPT**
*Semua yang berikut adalah remedi yang sedia ada kepada pihak yang mengalami kerugian jika sekiranya berlaku pelanggaran kontrak **KECUALI***

A. Specific performance.
*Pelaksanaan spesifik.*

B. Injunction.
*Injuksi.*

C. Damages.
*Ganti rugi.*

D. Consideration.
*Balasan.*

CLO2 C2

9. _________ is a discretionary order granted by the courts directing a person to carry out their obligations under the contract. It is used where damages is not an adequate remedy.

*Ia merupakan perintah budibicara oleh pihak mahkamah yang mengarahkan seseorang agar melaksanakan obligasinya di bawah suatu kontrak. Ia digunakan apabila gantirugi tidak menjadi pemulihan/remedi yang mencukupi.*

A. Injunction
*Injunksi*

B. Quantum Meruit
*Quantum Meruit*

C. Damages
*Gantirugi*

D. Specific Performance
*Pelaksanaan Spesifik*





CLO2 C2

10. The doctrine of frustration applies in the following situations **EXCEPT**
*Doktrin kekecewaan berlaku dalam keadaan-keadaan di bawah **KECUALI***

A. physical impossibility due to destruction of subject matter.
*kegagalan fizikal disebabkan oleh kemusnahan perkara utama.*

B. change in law rendering performance impossibility.
*perubahan pada undang-undang menyebabkan kegagalan pelaksanaan.*

C. impossibility due to non-occurence of event basic to contract.
*Kegagalan disebabkan tidak berlaku perkara am terhadap kontrak.*

D. performance of the contract can be made by a third party.
*pelaksanaan kontrak boleh dibuat oleh pihak ketiga.*

CLO 2 C3

11. Which of the following is **NOT** the exception to the general rule of consideration?

*Yang manakah antara pernyataan berikut **BUKAN** pengecualian kepada peraturan asas balasan?*

A. Contract made on account of natural love and affection.
*Kontrak dibuat atas dasar kasih sayang.*

B. Contract to compensate a past voluntary act.
*Kontrak untuk menggantikan perbuatan sukarela masa lalu.*

C. Contract where the consideration is adequate.
*Kontrak di mana balasan samarata.*

D. Contract to pay a statute-barred debt.
*Kontrak untuk membayar hutang yang terhapus.*

CLO2 C3

12. X applied for remedy from the court since Y could not complete the job as mentioned in the contract made between X and Y. What is the remedy available for X?
*X memohon remedi daripada mahkamah kerana Y gagal untuk menyiapkan tugasan seperti yang telah dinyatakan dalam kontrak antara X dan Y. Apakah remedi yang sesuai utk X?*

A. Damages.
Gantirugi.

B. Consideration.
*Balasan.*

C. Intention.
*Niat.*

D. Ownership.
*Pemilikan.*

CLO 2 C1

13. The effect of incorporation is ___________.

*Kesan pengkorporatan adalah ___________.*

A. the company may own properties in the form of land only.
*syarikat boleh memiliki harta dalam bentuk hartanah sahaja.*

B. the owner bears the liabilities of the company.
*pemilik menanggung liabiliti syarikat.*

C. the company can sue and be sued on its own name.
*syarikat boleh menyaman dan disaman di atas namanya.*

D. the death of one of the shareholders will wind up the company.
*kematian salah seorang pemegang saham akan menyebabkan syarikat dibubarkan.*

CLO2 C1

14. The maximum number of member for a private company.
*Bilangan maksimum ahli sesebuah syarikat persendirian.*

A. Two.
*Dua.*

B. Twenty.
*Dua Puluh.*

C. Fifty.
*Lima Puluh.*

D. Unlimited.
*Tidak terhad.*





CLO2 C2

15. Choose the **CORRECT** rights and duties of partners according to Partnership Act 1961.
*Pilih hak dan tanggungjawab yang **BETUL** berkaitan Akta Perkongsian 1961.*

I. All partners are entitled to share equally in the capital and profits.
*Semua rakan kongsi berhak berkongsi sama rata atas modal dan keuntungan.*

II. A partner is entitled to interest at the rate of 8% per annum from the date of the payment or advance.
*Rakan kongsi layak menerima kadar faedah 8% setahun daripada tarikh bayaran atau pendahuluan.*

III. Every partner may take part in the management of the partnership business.
*Setiap rakan kongsi boleh menguruskan perniagaan perkongsian.*

IV. A person may be introduced as a partner by majority.
*Seseorang boleh dijadikan rakan kongsi melalui suara majoriti.*

A. I, II and III
*I, II dan III*

B. I, II and IV
*I, II dan IV*

C. I, III and IV
*I, III dan IV*

D. II, III and IV
*II, III dan IV*

CLO2 C1

16. A _____________ who is also called as mercantile agent, has more extensive powers to act for a principal than a broker possesses.
*Seorang ____________ yang juga dikenali sebagai agen saudagar, mempunyai kuasa yang lebih luas daripada broker untuk bertindak bagi pihak prinsipal.*

A. factor
*faktor*

B. commission agent
*agen komisen*

C. del credere agent
*agen del credere*

D. powers of attorney
*kuasa wakil*

CLO2 C2

17. If an agent is apppointed by an appointment letter, an agency is formed by ____________.
*Sekiranya seorang agen dilantik melalui surat lantikan, sebuah agensi telah dibentuk melalui ______________.*

A. necessity
*keperluan*

B. ratification
*pengesahan*

C. express appointment
*lantikan secara nyata*

D. implied appointment
*lantikan secara tersirat*

CLO2 C2

18. The party that shall be liable in the case of an agent acting according to the customs of the business, in the absence of instructions from the principal is
*Pihak yang akan bertanggungan sekiranya agen bertindak mengikut kebiasaan dalam perniagaan ketika tiada arahan daripada principal adalah*

A. an agent.
*agen.*

B. a principal.
*prinsipal.*

C. a creditor.
*pemiutang.*

D. third party.
*pihak ketiga.*





CLO2 C2

19. Choose the **CORRECT** statement regarding the duties of a principal to his agent.
*Pilih kenyataan yang **BETUL** tentang tanggungjawab prinsipal kepada agen.*

I. To pay the agent the commission or other remuneration agreed.
*Untuk membayar agen komisen dan upah lain yang dipersetujui.*

II. To wilfully prevent or hinder the agent from earning his commision.
*Untuk bertegas menghalang agen daripada mendapatkan komisen.*

III. To indemnify the agent for acts done in the exercise of his authority.
*Untuk memberi jaminan ganti rugi atas tindakan yang dibuat dalam bidang kuasanya.*

IV. To respect any lien the agent has over the property of the principal.
*Untuk menghormati sebarang bentuk lien yang dibuat oleh agen ke atas harta prinsipal.*

A. I, II and III
*I, II dan III*

B. I, III and IV
*I, III dan IV*

C. II, III and IV
*II, III dan IV*

D. All of the above
*Semua di atas*

CLO2 C3

20. On July 2nd, X appoints Y as his agent to buy a car not exceeding RM 40,000. Y ordered a car costing RM 50,000, telling the salesman that he was buying the car on X's behalf. On July 4th, the salesman delivered the car to X. If X adopts the contract on July 4, choose the **CORRECT** option of the contract of the agency.
*Pada 2 Julai , X telah melantik Y sebagai agen untuk membeli sebuah kereta tidak melebihi RM40,000. Y membuat tempahan sebuah kereta bernilai RM50,000 dan memaklumkan kepada jurujual bahawa beliau membeli kereta bagi pihak X. Pada 4 Julai, jurujual telah menghantar kereta tersebut kepada X. Jika X bersetuju dengan kontrak pada 4 Julai, pilih pilihan yang **BETUL** tentang kontrak agensi berkenaan.*

A. Y is an agent by ratification.
*Y adalah agen melalui ratifikasi.*

B. Y is an agent by necessity.
*Y adalah agen melalui keperluan.*

C. Y is an agent by estoppel.
*Y adalah agen melalui persekatan.*

D. Y is an agent by implied appointment.
*Y adalah agen melalui lantikan tersirat.*

CLO2 C1

21. Which of the following items is **NOT** goods under the Sale Of Goods Act 1957?
*Yang mana satu di antara item berikut **BUKAN** barangan di bawah Akta Jualan Barangan 1957?*

A. Furniture.
*Perabot.*

B. Computer.
*Komputer.*

C. Gold bar.
*Jongkong emas.*

D. Money.
*Wang.*

CLO2 C2

22. Which of the following situations entitle the buyer to repudiate the contract of sale?
*Yang manakah situasi di bawah melayakkan pembeli untuk menamatkan kontrak jualan?*

I. The seller does not have title of the goods.
*Penjual tidak mempunyai hakmilik ke atas barangan.*

II. The goods are not in merchantable quality.
*Barangan tidak mempunyai nilai kualiti dagangan.*





III. The goods do not correspond with the description.
*Barangan tidak menyamai perihalan.*

IV. The goods are encumbered.
*Barangan mempunyai bebanan.*

A. I, II and III
*I, II dan III*

B. I, III and IV
*I, III dan IV*

C. II, III and IV
*II, III dan IV*

D. All of the above
*Semua di atas*

CLO2 C2

23. Choose the **CORRECT** exceptions of *nemo dat quod non habet* rule that are applied when the buyer bought the goods from the seller.
*Pilih pengecualian yang **BETUL** dalam peraturan nemo dat quod non habet yang digunapakai apabila pembeli membeli barangan daripada penjual.*

I. Estoppel.
*Persekatan.*

II. Sale by mercantile agent.
*Jualan oleh wakil perdagangan.*

III. Sale by one of joint owners.
*Jualan oleh pemilik bersama.*

IV. Sale by a buyer in possession.
*Jualan oleh pembeli dalam milikan.*

A. I, II and III
*I, II dan III*

B. I, III and IV
*I, III dan IV*

C. II, III and IV
*II, III dan IV*

D. All of the above
*Semua di atas*

CLO2 C3

24. Izzah bought fried rice from Cafe Matahari. After eating the fried rice, she was hospitalized for food poisoning. There was a breach of implied term here as
*Izzah telah membeli nasi goreng dari Cafe Matahari. Selepas memakan nasi goreng, dia dimasukkan ke hospital kerana keracunan makanan. Berlaku pelanggaran syarat tersirat di sini iaitu*

A. the goods must correspond with the description.
*barangan perlu mematuhi deskripsi.*

B. the goods must correspond with the sample.
*barangan perlu mematuhi sampel.*

C. the goods must be fit for particular purpose.
*barangan perlu bersesuaian dengan tujuan tertentu.*

D. the goods must be of merchantable quality.
*barangan perlu berkualiti untuk diniagakan.*

CLO 2 C3

25. The following are 'goods' in the contract of sale of goods, **EXCEPT**

*Berikut adalah "barangan" dalam kontrak jualan barangan,* ***KECUALI***

A. motor vehicle.
*Kenderaan bermotor.*

B. furniture.
*perabot.*

C. rice cooker.
*periuk nasi.*

D. bungalow.
*banglo.*





**SECTION B: 75 MARKS**
***BAHAGIAN B: 75 MARKAH***

**INSTRUCTION:**
This section consists of **THREE (3)** essay questions. Answer **ALL** questions.

***ARAHAN:***
*Bahagian ini mengandungi* ***TIGA (3)*** *soalan esei. Jawab semua soalan.*

**QUESTION 1**
**SOALAN 1**

CLO2 C1

(a) Define the meaning of contract.
*Definisikan maksud kontrak.*

[3 marks]
[*3 markah*]

CLO2 C2

(b) On 1st January 2017, Zara offered to sell her set of jewelleries to Raisya for RM10,000.00. On 4th January 2017, in reply, Raisya made a counter-proposal to purchase at RM9,000.00. However, on 14th January 2017, when Zara refused to accept this offer, Raisya wrote to Zara saying that she was prepared to pay the original sum demanded.

*Pada 1 Januari 2017, Zara telah menawarkan untuk menjual set barang kemasnya kepada Raisya dengan harga RM10,000.00. Pada 4 Januari 2017, Raisya membuat tawaran balas untuk membeli set barang kemas tersebut dengan harga RM9,000.00. Walau bagaimanapun, pada 14 Januari 2017, apabila Zara menolak untuk menerima tawaran tersebut, Raisya menyatakan kepada Zara bahawa dia bersedia untuk membayar jumlah yang diminta pada asalnya.*

Based on the above situation, you are required to:
*Berdasarkan situasi di atas, anda dikehendaki untuk:*

i. state an issue to the situation above.
*nyatakan isu bagi situasi di atas.*

[2 marks]
[*2 markah*]

ii. explain the relevant provisions of the Contracts Act 1950.
*bincangkan peruntukan yang sesuai menurut Akta Kontrak 1950.*

[3 marks]
[*3 markah*]

iii. explain a relevant case to support your answer.
*jelaskan kes yang berkaitan untuk menyokong jawapan anda.*

[6 marks]
[*6 markah*]

iv. conclude your answer.
*rumuskan jawapan anda.*

[4 marks]
[*4 markah*]

CLO2 C3

(c) Majid entered into a contract to build a bungalow on the Farid's land. Majid has done his part of the task, but suddenly left and ran off with the money. Farid then completed the house himself.
Explain the suitable remedy available for breach of contract with relevant case of law.

*Majid memasuki kontrak untuk membina sebuah rumah banglo di tanah Farid. Majid menyiapkan sebahagian tugasnya, kemudian meninggalkan tugas tersebut dan melarikan duit. Farid kemudiannya menyiapkan rumahnya sendiri.*
*Jelaskan remedi bersesuaian yang terdapat untuk pelanggaran kontrak bersama kes undang-undang yang bersesuaian.*

[7 marks]
[*7 markah*]

**QUESTION 2**
***SOALAN 2***

CLO2 C2

(a) List the differences of company and partnership in terms of :
*Senaraikan perbezaan-perbezaan antara syarikat dan perkongsian berdasarkan terma-terma berikut:*

i. Structure.
*Struktur.*

ii. Management.
*Pengurusan.*

[4 marks]
[*4 markah*]





CLO2 C3

(b) Azri and Fairuz are partners in a registered business of Kedai Komputer Bersatu. After one year carrying out the business in selling computer, Azri would like to change the nature of business into handphone accessories and has introduced Fauziah as the new partner. Fairuz disagree with the Azri's decision and would like to seek your advice on this matter. Adapt the situation by referring to Partnership Act 1961.

*Azri dan Fairuz adalah rakan kongsi bagi perniagaan yang berdaftar dengan nama Kedai Komputer Bersatu. Selepas setahun menjalankan perniagaan menjual komputer, Azri ingin menukar bentuk pernigaaan kepada aksesori telefon bimbit dan telah memperkenalkan Fauziah sebagai rakan kongsi baru. Fairuz tidak bersetuju dengan keputusan Azri dan ingin mendapatkan nasihat anda berkaitan perkara ini. Adaptasikan situasi ini dengan merujuk Akta Perkongsian 1961.*

[6 marks]
[*6 markah*]

CLO2 C2

(c) Explain **FIVE (5)** ways to create an agency.
*Jelaskan **LIMA (5)** cara agensi boleh diwujudkan.*

[15 marks]
[*15 markah*]

**QUESTION 3**
***SOALAN 3***

CLO2 C1

(a) Define the following terms by referring to the Sale of Goods Act 1957.
*Definisikan istilah berikut dengan merujuk kepada Akta Jualan Barangan 1957.*

i. Goods
*Barangan*

[2.5 marks]
[*2.5 markah*]

ii. The contract of sale
*Kontrak jualan*

[2.5 marks]
[*2.5 markah*]

CLO2
C2

(b) Section 27 of the Sale of Goods Act 1957 provide the Nemo Dat Quad Non Habet rule, which means 'no one can give a better title than he has himself. This means that if goods are bought from a person who is not the owner, and who does not sell them under the owner's authority, the buyer does not acquire any title. However, this rule is subject to some exceptions. Briefly explain **FOUR (4)** exceptions to the Nemo Dat Quad Non Habet rule.

*Seksyen 27 Akta Jualan Barangan 1957 memperuntukan peraturan Nemo Dat Quod Non Habet, yang bermaksud 'tiada siapa yang boleh memberikan hak yang lebih baik daripada apa yang dia sendiri miliki'. Ini bermakna, jika barang dibeli daripada orang yang bukan pemilik sebenar, dan tidak menjualnya dibawah kuasa pemilik sebenar, maka pembeli tidak memperoleh sebarang hak milik. Walau bagaimanapun, peraturan ini tertakluk kepada beberapa pengecualian. Secara ringkas, terangkan **EMPAT (4)** pengecualian kepada peraturan Nemo Dat Quad Non Habet.*

[10 marks]
[*10 markah*]

(c) Jamal bought a car, Honda City from Zainal and has been using it for several months. Jamal was later discovered that Zainal did not have the legal rights to the car. The car is still property of Shahrul. Jamal had to give the car to Shahrul and claim the money that has been paid. Zainal refused to hand the money to Jamal.

*Jamal telah membeli sebuah kereta, Honda City dari Zainal dan telah menggunakannya selama beberapa bulan. Jamal kemudian mendapati bahawa Zainal tidak mempunyai hak yang sah ke atas kereta tersebut. Kereta tersebut masih menjadi milik Shahrul. Jamal terpaksa menyerahkan semula kereta tersebut kepada Shahrul dan menuntut wang yang telah dibayar. Zainal enggan menyerahkan wang tersebut kepada Jamal.*

Based on the situation given, you are required to:
*Berdasarkan situasi yang diberi, anda dikehendaki:*

i. identify an issue arises on the situation.
*nyatakan isu yang timbul dalam situasi tersebut.*

[1 mark]
[*1 markah*]

ii. explain the relevant provision of the Sale of Goods Act 1957.
*jelaskan peruntukan yang berkaitan di dalam Akta Jualan Barangan 1957.*

[2 marks]
[*2 markah*]





iii. explain **ONE (1)** relevant case to support your answer briefly.
*bincangkan secara ringkas **SATU (1)** kes yang berkaitan untuk menyokong jawapan anda.*

[5 marks]
[*5 markah*]

iv. conclude the issue.
*berikan kesimpulan kepada isu.*

[2 marks]
[*2 markah*]

**SOALAN TAMAT**